



# *Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA)*

## **Bab 2: Akses Pasaran**

# **PERDAGANGAN MALAYSIA**



## Pada tahun 2014:


- Kedudukan Malaysia dalam perdagangan dunia:  
**Pengeksport – 23      Pengimport – 25**
- Prestasi Perdagangan :

<b>PERDAGANGAN</b>	<b>RM</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>RM1.45 trillion</b>
<b>IMPORT</b>	RM683.0 bilion
<b>EKSPORT</b>	RM766.1 bilion

(Sumber: World Shipping Council)

- *Lebihan Dagangan RM83.11bilion (2014) - Lebihan Dagangan secara berturut-turut sejak 1997*

# MALAYSIA – Rakan Dagang 2014



# **FTA YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH MALAYSIA**



## **ASEAN**

- 1) ASEAN Free Trade Area (1992)
- 2) ASEAN-China (2004)
- 3) ASEAN- Korea (2006)
- 4) ASEAN-Japan (2008)
- 5) ASEAN-India (2009)
- 6) ASEAN-Australia-New Zealand (2009)

## **DUA HALA**

- 1) Jepun (2005)
- 2) Pakistan(2007)
- 3) New Zealand (2009)
- 4) Chile (2010)
- 5) India (2011)
- 6) Australia (2012)
- 7) Turki (1.8.2015)

# Bab Akses Pasaran - Objektif



Bab Akses Pasaran bertujuan untuk:

- Menggalakkan perdagangan melalui pengurangan dan penghapusan duti import;
- Menyelaras isu-isu prosedur kastam dan mengurangkan karenah birokrasi berkaitan prosedur import/eksport; dan
- Menghapuskan/mengurangkan isu-isu halangan bukan tariff (*non-tariff barriers*) dan meningkatkan ketelusan supaya barang keluaran negara-negara TPP menjadi lebih berdaya saing.



# Struktur

Rundingan dalam Bab Akses Pasaran terbahagi kepada dua elemen utama, iaitu:

- i. **Teks Bab Akses Pasaran** – menggariskan peruntukan dan disiplin yang perlu dipatuhi bagi mewujudkan keseragaman prosedur untuk meningkatkan perdagangan antara negara-negara TPP; dan
- ii. **Jadual Pengurangan dan Penghapusan Duti Import** – komitmen setiap negara untuk mengurang serta menghapus duti import bagi meningkatkan nilai perdagangan dua hala di kalangan negara-negara TPP.



# Peruntukan Utama (Key Provisions)

- **Layanan Sama Rata (*National Treatment*)**
- **Penghapusan Duti Kastam (Duti Import)**
  - Pada masa ini 65% *tariff lines* (senarai produk mengikut diskripsi Kastam) bagi Malaysia tidak mempunyai duti import (*0% at MFN*)
  - Malaysia akan menghapuskan duti import sehingga 85% *tarif lines* di dalam TPP secara serta merta
  - Dalam ASEAN – 99.2% *tariff lines* bagi Malaysia telah dihapuskan duti import



# Peruntukan Utama (*Key Provisions*)

- **Sekatan Import dan Eksport**

- Artikel ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang memerlukan negara anggota menambah baik prosedur pelesenan import dan eksport agar lebih telus dan tidak digunakan sebagai halangan bukan tariff.

*Chapter 2: Article 2.11 – Import and Export Restrictions (footnote 4): "...This paragraph shall not apply to the importation or distribution of rice and paddy in Malaysia."*



# **Kesan Ke Atas Sistem Pengimportan dan Pengedaran Beras Di Malaysia**

- BERNAS (atau agensi lain yang dilantik oleh Kerajaan pada masa hadapan) boleh terus melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membantu pesawah padi.
- Sumber import beras utama masa ini.
  - ① Malaysia mengimport 864,000 tan metrik beras pada tahun 2014 – Thailand (44.1%), Vietnam (29%) dan Pakistan (19.5%).
  - ② Beras dari Amerika Syarikat bukan pilihan utama pengguna tempatan (kira-kira 0.05% daripada jumlah import 2014).

# Peruntukan Utama (*Key Provisions*)



## • Duti Eksport dan Caj-Caj Eksport Lain

- Artikel ini menggariskan peruntukan mengenai liberalisasi duti eksport, cukai atau caj-caj lain terhadap eksport barang ke Negara-Negara Anggota TPP, kecuali jika duti, cukai atau caj tersebut diguna pakai atau dikenakan bertujuan untuk kegunaan domestik.
- Malaysia berjaya mendapat pengecualian khusus bagi peruntukkan dalam artikel ini di mana Malaysia diberikan fleksibiliti untuk terus mengenakan duti eksport dan ses ke atas barang yang disenaraikan di dalam lampiran pengecualian (*exception annex*).

# Peruntukan Utama (*Key Provisions*)



- **Subisdi Eksport Pertanian**

- Artikel ini menggariskan keperluan Negara TPP berkongsi matlamat untuk menghapuskan subsidi eksport bagi barang pertanian serta bekerjasama alam isu ini di peringkat WTO.

- **Sekatan Eksport (Jaminan Bekalan Makanan)**

- Artikel ini membenarkan Negara TPP untuk mengenakan sekatan atau larangan eksport secara sementara mengikut garis panduan WTO bagi mengelakkan kekurangan bekalan makanan bagi keadaan yang dinyatakan dalam Artikel 12.1, Perjanjian Pertanian WTO.



# Peruntukan Utama (*Key Provisions*)

- **Perdagangan Berkenaan Produk Bioteknologi Moden**
  - Artikel ini menggariskan keperluan Negara TPP untuk mempunyai sistem yang telus, sedia bekerjasama dan bertukar maklumat berkaitan perdagangan produk bioteknologi moden.
  - Artikel ini tidak boleh menghalang Negara TPP daripada melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka di bawah Perjanjian WTO atau mana-mana peruntukan di bawah Perjanjian TPP ini.
  - Artikel ini tidak mensyaratkan Negara TPP mewujudkan atau mengubah undang-undang, peraturan atau dasar berkaitan kawalan produk bioteknologi moden – **dasar, peraturan dan prosedur semasa di setiap negara ahli TPP boleh diteruskan.**



# Isu PENSIJILAN HALAL dan Akses Pasaran

TPP mengiktiraf keperluan sistem pensijilan dan penggunaan logo halal berdasarkan syariat Islam di negara tertentu (khususnya Malaysia dan Brunei) di mana pengimportan produk yang berkaitan perlu melalui proses dan peraturan yang telah ditetapkan mengikut prosedur domestik masing-masing.

- Sanitary and Phytosanitary Chapter

***“Article 7.3 (2): Nothing in this Chapter prevents a Party from adopting or maintaining halal requirements for food and food products in accordance with Islamic law.”***



# Hasil Rundingan dan Impak

- TPP memberi peluang kepada Malaysia untuk memuktamadkan pakej **perjanjian perdagangan bebas (FTA)** bagi akses pasaran dengan **empat rakan dagang** iaitu: **Amerika Syarikat, Kanada Mexico dan Peru.**
- Layanan pengurangan dan pengurangan duti import di negara-negara tersebut akan meningkatkan daya saing (*competitive pricing*) kepada barang eksport keluaran tempatan berbanding pesaing serantau seperti Indonesia, Thailand dan China.
- TPP juga memberi akses pasaran yang lebih baik bagi barang eksport Malaysia ke **Jepun** – khususnya bagi produk kayu serta hasil pertanian dan perikanan.



# Hasil Rundingan dan Impak

- Malaysia juga akan melakukan pengurangan dan penghapusan duti import – barangan pengguna dan input/barangan separa siap yang diimport untuk kegunaan industri menjadi lebih murah.
- Pada masa ini, sebanyak 65% daripada baris tarif bagi Malaysia telah diberi penghapusan duti diperingkat *most-favoured nation (MFN)*.
- **Pesaing utama** bagi barangan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan, khususnya PKS **sebahagian besar datangnya daripada negara-negara ASEAN dan China** – hasil pertanian dan makanan yang diproses, produk automotif, elektrikal & elektronik (E&E) dan barangan pengguna.

# Komitmen Penghapusan Duti Import



	Negara	Tawaran Penghapusan Duti Import (% of Tariff Lines)			
		Penghapusan Duti Import Serta Merta	≤5 Tahun	5≤10 Tahun	Lebih 10 tahun/tariff-caps
1	Australia	93.04	6.82	0	0.13
2	Brunei	92.03	0.34	7.52	0.10
3	Canada	94.86	2.45	1.45	1.26
4	Chile	95.07	2.19	2.63	0.10
5	Mexico	76.99	2.62	18.14	2.25
6	New Zealand	94.61	1.82	3.13	0.44
7	Peru	80.72	4.91	5.52	8.85
8	Singapore	100	0	0	0
9	United States	89.64	4.27	2.72	3.36
10	Vietnam	65.83	23.79	8.16	2.23
11	Japan	87.40	3.16	5.40	4.04
12	Malaysia	84.71 (MFN: 65%)	8.45	5.84	1.00



# Eksport Utama Malaysia Ke Negara FTA Baru

Product		Current Import Duty	Immediate elimination (EIF) (% of tariff lines)	Export value in 2014 (US\$ mil)
Electrical & Electronic Products	US	3-5%	99.8	11,138.0
	Canada	5-11%	100	308.2
	Mexico	5-15%	88.5	1,148.7
	Peru	9%	64.3	39.0
Rubber Products	US	2.4-14%	97.2	1,238.2
	Canada	5-15.5%	92.5	84.6
	Peru	9%	92.3	8.5
	Mexico	5-15%	80.9	33.6
Palm Oil	Canada	11%	100	17.9
	Mexico	4%	75.4	2.2
	Peru	9%	100	1.5
Transport Equipment	US	5%	83.5	292.9
	Mexico	5-15%	79.7	20.5
Wood Products <i>*Japan excluded some of wood products including plywood in previous FTAs</i>	Canada	2.5-9.5%	100%	84.9
	US	3.2-10.7%	100%	709.7
	Japan*	6-10%	50% reduction of import duty at EIF	1,103.4

*Disclaimer: This document is for information purposes only and does not constitute legal advice*

# Kanada

## **Top Malaysia's Imports**

No.	Product	%
1.	Chemical & products	36.5%
2.	E&E products	13.5%
3.	Other Agricultures	12.3%
4.	Crude Petroleum	10.5%
5.	Machinery & parts	6.8%

## **NILAI IMPORT vs. EXPORT 2014**



## **Top Malaysia's Exports**


No.	Product	%
1.	E&E Products	38.2%
2.	Wood Products	10.5%
3.	Rubber Products	10.5%
4.	Chemicals & products	6.1%
5.	Manufactures of Metal	5.1%

# Mexico

## Top Malaysia's Imports

No.	Product	%
1.	E&E Products	51.4%
2.	Transport Equipment	13.3%
3.	Petroleum Products	9.7%
4.	Machinery & Parts	4.2%
5.	Chemicals & Products	3.7%

## NILAI IMPORT vs. EKSPORT 2014



## Top Malaysia's Exports


No.	Product	%
1.	E&E Products	72.0%
2.	Processed Food	4.3%
3.	Manufactures of Metal	3.7%
4.	Chemicals & Products	2.8%
5.	Machinery & Parts	2.1%

# Peru

## **Top Malaysia's Imports**

No.	Product	%
1.	Manufactures of Metal	29.2%
2.	Metalliferous ores & metal scrap	20.3%
3.	Other agricultures	17.4%
4.	Crude Fertilizers & Minerals	14.9%
5.	Chemicals & products	8.5%

## **NILAI IMPORT vs. EKSPORT 2014**



## **Top Malaysia's Exports**

No.	Product	%
1.	E&E Products	39.6%
2.	Rubber Products	12.7%
3.	Textiles, Clothing & Footwear	9.1%
4.	Wood Products	6.3%
5.	Chemicals & products	6.3%

# Amerika Syarikat


## Top Malaysia's Imports

No.	Product	%
1.	E&E Products	43.7%
2.	Machinery & parts	10.6%
3.	Transport equipment	10.0%
4.	Chemicals & products	9.0%
5.	Optical & Scientific equipment	6.0%

## Top Malaysia's Exports

No.	Product	%
1.	E&E Products	56.6%
2.	Rubber Products	6.3%
3.	Optical & Scientific Equipment	5.8%
4.	Palm Oil	3.9%
5.	Chemicals & products	3.7%

**NILAI IMPORT vs. EKSPORT 2014**



# **Kesan Ke Atas Sektor Automotif dan Kereta Nasional**



- Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru – **bukan sumber import utama** bagi Malaysia
- Sumber import utama yang **bersaing secara langsung** dengan kenderaan nasional adalah dari negara-negara ASEAN dan Jepun
- Mulai 1 Januari 2010 – kenderaan CBU yang diimport dari ASEAN tidak dikenakan sebarang duti import
- Mulai 1 Januari 2016 - kenderaan CBU yang diimport dari Jepun tidak dikenakan sebarang duti import



# Sumber Import Utama

NEGARA	JENAMA
Jepun	Nissan, Infiniti, Lexus, Toyota, Honda, Suzuki, Mazda, Mitsubishi
United Kingdom	Land/Range Rover, Jaguar, Aston Martin, Bentley, Rolls-Royce, Mini
Jerman	Volkswagen, Mercedes Benz, Porsche, BMW, Ford, Mini
Thailand	Toyota, Honda, Suzuki, Mazda, Mitsubishi, Chevrolet, Ford, Isuzu
Itali	Lamborghini, Maserati, Ferrari
Perancis	Peugeot, Citroen
Korea Selatan	KIA, Hyundai, Chevrolet, Ssangyong
US	Jeep
Mexico	Volkswagen

# Peraturan Tempasal (Rules of Origin) Dalam TPP Memberi Kelebihan Kepada Malaysia



- ROO TPP memberi kelebihan kepada industri automotif tempatan – khususnya pengeluar komponen dan alat ganti automotif untuk menyertai rantaian global
- Kesan TPP: Pengeluar kereta di Jepun perlu mengimport komponen dan alat ganti dari negara ahli TPP untuk mendapat *preferred import duty* di pasaran Amerika Syarikat, Mexico dan negara-negara TPP lain
- Menggalakkan pelaburan dan pembangunan sektor automotif di Malaysia
- Kerjasama teknikal dan perkongsian kepakaran dengan Amerika Syarikat dan Kanada



# Kesimpulan

- Sebagai sebuah *trading nation* akses pasaran yang lebih baik adalah sangat penting kepada Malaysia
- Isu-isu Utama - Peruntukkan Bab Akses Pasaran dalam TPPA tidak menjaskan:
  - *Hak Malaysia untuk mengenakan cukai eksport;*
  - *Hak Malaysia untuk meneruskan sistem pengimportan dan pengedaran beras dalam negara;*
  - *Hak Malaysia untuk mensyaratkan pensijilan halal melalui proses yang telah ditetapkan bagi barang tertentu; dan*
  - *Hak Malaysia untuk mengenakan cukai/caj di peringkat domestik secara adil dan telus seperti GST dan duti eksais ke atas barangan tertentu.*



# SEKIAN... TERIMA KASIH